

Perodua pamer kereta konsep masa depan

UM 5 AUG 2001

RAWANG 4 Ogos — Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) hari ini buat pertama kalinya mempamerkan kepada umum kereta konsep masa depan pertama keluaran syarikat itu yang menampilkan reka bentuk moden serta bercirikan kereta masa depan.

Kereta konsep yang dibangunkan oleh 15 kakitangan dari unit Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) Perodua mempunyai pelbagai keistimewaan.

Antara keistimewaan itu ialah ia dikawal sepenuhnya oleh sistem kad pintar, mempunyai sistem navigasi automatik, meter digital, Perkhidmatan Radio Paket Umum (GPRS) dan mempunyai sistem cermin bersepadu menyebabkan kereta tersebut tidak memerlukan kemudahan cermin sisi.

Sebaliknya, semua aktiviti pandang ke belakang akan dipusatkan kepada satu monitor kecil yang diletakkan bahagian cermin dalam kereta.

Kesungguhan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melawat kilang Perodua di sini hari ini dan dibawa menyaksikan kereta konsep itu kagum dengan kesungguhan Perodua menghasilkan kereta tersebut.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, beliau berkata, pelbagai aspek dari sudut ekonomi perlu dikaji sebelum sesuatu kereta itu boleh dipasarkan kepada pengguna.

“Kita kena lihat banyak perkara seperti harga dan kos pengeluaran. Kita kena

juga tentukan sama ada harga yang ditetapkan boleh diterima oleh pasaran,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab. Rahman Omar berkata, kereta konsep yang mengambil masa selama 10 bulan untuk dihasilkan itu merupakan satu projek di bawah program pembangunan latihan dan diadakan dengan kerjasama sebuah syarikat Australia.

“Kebanyakan kerja menghasilkan kereta konsep ini khususnya di peringkat mereka dan konsep dilakukan secara dalaman di kilang ini sementara bentuk prototaip terakhir dilakukan di Australia oleh kakitangan Perodua sendiri di bawah seliaan syarikat Millard Ventures,” katanya.